



HARIMAU Malaya menghadapi kemerosotan populasi sehingga ke angka bawah 150.

HARIMAU Malaya menjadi sasaran utama pemburuan dan perdagangan haram.

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**A**dakah spesies Harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*) yang menjadi Jata Negara di ambang kepupusan? Ia mengambil kira bilangan pak belang yang terus menjunam kepada 150 kini berbanding 500 pada 2010.

Hari Harimau Sedunia disambut semalam dengan tema Mengukuhkan Kerjasama Demi Masa Depan Harimau Malaya membuktikan tekad 13 negara di dunia

menjaga dan memulihara spesies harimau.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Perhilitan Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, Harimau Malaya mengalami penurunan populasi berpanjangan di Semenanjung Malaysia

## 9 TINDAKAN SELAMAT KUCING BESAR

*Usaha berterusan Perhilitan kritikal untuk menambah populasi Harimau Malaya*



ngan populasi Harimau Malaya disebabkan beberapa faktor seperti kehilangan habitat dan sumber makanan akibat pembukaan hutan dan perubahan guna tanah yang tidak seimbang.

"Selain itu, Harimau Malaya menjadi sasaran utama pemburuan dan perdag-

endemik di Semenanjung Malaysia dan tiada di Sabah dan Sarawak. Bagi saya Malaysia bertuah kerana negara kita antara 13 TRCs yang dianugerahkan spesies harimau belang di habitat liar," katanya.

Beliau berkata, menyedari betapa seriusnya krisis

termasuk Malaysia bagi mempergiatkan usaha meningkatkan populasi harimau liar di negara masing-masing.

Sambutan Hari Harimau Sedunia adalah acara tahunan dimulakan sejak 2010 selepas dipersetujui 13 Ketua-Ketua Negara *Tiger Range Countries* (TRCs) yang menghadiri *Global Tiger Summit* di St. Petersburg, Rusia pada Oktober 2010.

Ia disambut setiap tahun pada 29 Julai bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dunia mengenai kepentingan

sejak 1950-an. “Pada sekitar 1950-an, populasi Harimau Malaya dianggarkan sebanyak 3,000 dan mengalami penurunan sehingga 500 pada 2010. Angka itu terus menurun kepada anggaran 250 hingga 340 pada tahun 2014.

“Harimau Malaya pada hari ini menghadapi kemerosotan populasi membimbangkan sehingga ke angka bawah 150 hasil program *survey* atau bancian populasi Harimau Malaya menerusi Program *1st National Tiger Survey* yang dilaksanakan,” katanya.

Menurutnya, pengura-

• Haiwan mamalia karnivor

• Secara purata memiliki tubuh sepanjang 2.4 meter dan seberat 120 kilogram.



• Sumber makanan utama adalah babi hutan, kijang, rusa, napuh, landak, seladang dan pelanduk.

• Harimau Malaya hidup bersendirian kecuali ketika mahu mengawan atau masih beranak kecil.

• Proses mengawan berlaku sepanjang tahun dan menghasilkan dua atau tiga ekor anak.

• Anak Harimau Malaya akan tinggal bersama ibunya untuk tempoh dua tahun.

**BILANGAN HARIMAU MALAYA TAHUN 2004 - 2018**



Tiga sub spesies harimau ini yang sudah pupus adalah

• Harimau Bali (*Panthera tigris balica*), di Bali, Indonesia

• Harimau Jawa (*Panthera tigris sondaica*), di Jawa, Indonesia

• Harimau Kaspian (*Panthera tigris virgata*), di Caspian Sea, Turki, Iran dan Asia



INFOGRAFIK



HARI Harimau Sedunia dimulakan sejak 2010 dan disambut setiap tahun pada 29 Julai.

“ Hanya enam daripada sembilan sub-spesies Harimau Belang sahaja masih hidup Abdul Kadir




ngan haram, konflik manusia dan nasib dihadapi Harimau Malaya, sembilan tindakan strategik dirangka Perhilitan iaitu meningkatkan penguatkuasaan dan rondaan (*boots on the ground*) menubuhkan *Special Response Team for Protected Area* (Sparta) sebagai

Beliau berkata, Harimau Belang spesies kucing besar dan hanya terdapat secara semula jadi di benua Asia.

“Hanya enam daripada sembilan sub-spesies Harimau Belang sahaja masih hidup di habitat semula jadi di seluruh dunia manakala tiga sub-spesies daripadanya pupus.

“Harimau Malaya adalah sub-spesies

**« BERSAMBUNG KE MUKA 3**





ANTARA kelibat Harimau Malaya yang dirakam melalui program bancian atau survei populasi.

## « DARI MUKA 2

pasukan taktikal khas konflik Harimau Malaya, menubuhkan *Malayan Tiger Task Force* (MyTTF) dan Unit Pemuliharaan Harimau Malaya di bawah Perhilitan selain kerjasama Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Selain itu usaha difokuskan untuk memelihara habitat Harimau Malaya, memperkukuh makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan serta mekanisma insentif *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) untuk Kerajaan Negeri serta meningkatkan pengurusan habitat Harimau Malaya melalui skim akreditasi.



pengalaman dan pengetahuan dalam meningkatkan lagi pengurusan Harimau Belang terutama dalam aspek penyelidikan, penguatkuasaan, pengurusan konflik, pengurusan habitat harimau, kesedaran awam, dan ekopelancongan.

“Global Tiger Forum (GTF) pula badan bukan kerajaan antarabangsa yang banyak membantu menyelaraskan program latihan di luar negara dalam meningkatkan kapasiti kakitangan

# Tiga juta gambar Pak Belang dirakam

**Kuala Lumpur:** Lebih 3 juta keping gambar dirakam menggunakan kaedah pemasangan perangkap kamera bagi mengetahui jumlah sebenar baki Harimau Malaya di negara ini.

Menerusi gambar Harimau Malaya dikumpulkan itu, corak belang pada badan harimau Malaya itu dibandingkan untuk menentukan perbezaan identiti setiap seekor Harimau Malaya dirakam.

Inilah antara keunikan pada Harimau Malaya iaitu corak belang pada badan harimau berbeza antara satu yang lain umpama cap jari manusia.



Program 1st NTS ini juga dijayakan dengan kerjasama antara Jabatan Perhilitan dan pihak Badan Bukan Kerajaan seperti *World Wide Fund Malaysia*, *Wildlife Conservation Society*, *Pelindung dan Rimba*”

**Hazril Rafhan**

40,000 kilometer persegi. “Kaedah survei dijalankan

kan anggaran populasi Harimau Malaya. Untuk itu, populasi Harimau Malaya yang dianalisa menerusi 1st NTS adalah kurang daripada 150.

“Program 1st NTS juga dijayakan dengan kerjasama antara Jabatan Perhilitan dan pihak Badan Bukan Kerajaan seperti *World Wide Fund Malaysia*, *Wildlife Conservation Society*, *Pelindung dan Rimba*,” katanya.

Menurutnya, Harimau Malaya adalah spesies ikonik Malaysia yang melambangkan keberanian, kekuasaan, kecantikan, kekukuhan, kekuatan, integriti, kelangsungan hidup dan per-



sebagai spesies pemangsa apeks (*apex predator*). Ia mendominasi rantaian makanan yang mengawal populasi spesies mangsa dan sekaligus menjaga keseimbangan ekosistem.

“Kehilangan Harimau Malaya akan menjejaskan ekosistem dan mengakibatkan kesan buruk kepada

“Usaha daripada semblan tindakan ini tertumpu kepada menangani kemerosotan populasi, meningkatkan tadbir urus penguasaan spesies dan memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.

“Ta pada asasnya menggabungkan sains pemuliharaan dengan penguatkuasaan di lapangan,” katanya.

Beliau berkata, sembilan langkah ini memenuhi kriteria menyokong pelan pemuliharaan harimau di Malaysia dan ia mewakili komitmen Malaysia terhadap Deklarasi St. Petersburg di Rusia yang dipersetujui semua Ketua Negara TRCs pada 2010 untuk meningkatkan populasi harimau belang.

Semua TRCs bekerjasama menerusi perkongsian

teknikal terutama di Jabatan Perhilitan dalam meningkatkan tadbir urus yang baik membabitkan pemuliharaan Harimau Belang,” katanya.

Di samping itu Kadir berkata, Malaysia menjadi tuan rumah kepada 4th *Asia Ministerial Conference on Tiger Conservation (AMC) 2022* yang memberi penekanan kepada kerjasama melibatkan TRCs bagi merealisasikan tindakan konservasi Harimau Belang dan habitatnya.

“Saya memohon semua rakyat Malaysia membantu Perhilitan melalui kempen menyelamatkan Harimau Malaya supaya spesies ini tidak pupus. Saya harap dalam masa lima tahun akan datang, populasi Harimau Malaya terus bertambah melebihi 150,” katanya.

Pengarah Pengarah Kanan Bahagian Konservasi hidupan liar Perhilitan, Hazril Raffan Abdul Halim berkata, jutaan keping gambar dirakam menerusi Program *1st National Tiger Survey-1st NTS* iaitu program bancian atau survei populasi Harimau Malaya yang pertama kali dilaksanakan secara berskala besar di Semenanjung Malaysia.

“Ia dilaksanakan pada 2016 hingga 2020 iaitu 5 tahun menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11.

Program *1st NTS* ini dilaksanakan di kawasan hutan dikenali sebagai *Central Forest Spine* mewakili hutan di Banjaran Bintang, Banjaran Titiwangsa, Banjaran Tahan dan kompleks hutan selatan Semenanjung Malaysia dengan jumlah keluasan hutan seluas lebih

dengan menggunakan kaedah pemasangan perangkap kamera. Sejumlah lebih 4,000 perangkap kamera dipasang untuk mendapatkan gambar Harimau Malaya. Gambar ini dikumpul dan dianalisa untuk mendapatkan anggaran populasi Harimau Malaya,” katanya.

Menurutnya, menerusi *1st NTS*, lebih 3 juta gambar dirakam. Gambar yang dikumpulkan itu akan diasingkan bagi mencerap Harimau Malaya

“Pengiraan statistik juga digunakan bagi menentu-

paduan nasional rakyat Malaysia.

Harimau Malaya turut dijadikan sebagai ikon identiti oleh pelbagai agensi kerajaan dan korporat termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Rejimen Askar Melayu Diraja, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Maybank. Malah pasukan bola sepak Negara juga menggunakan nama Harimau Malaya.

“Dari sudut sains, Harimau Malaya memainkan peranan penting dalam ekosistem

manusia seperti berlakunya kemerosotan kuantiti, kualiti sumber makanan dan pelbagai bencana alam.

“Konflik manusia dan Harimau Malaya masih berlaku sekiranya isu pembalakan haram dan pembalakan guna tanah yang tidak seimbang gagal ditangani dengan sewajarnya,” katanya.

Menurutnya, keadaan itu akan mengakibatkan kawasan habitat Harimau Malaya terjejas dan berkurangan sehingga menyebabkan harimau terkeluar dari kawasan habitat asal.



IMEJ Harimau Malaya yang berjaya dirakam perangkap kamera yang dipasang di dalam hutan.